

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Eima tawar hadiah RM40,000	Berita Harian
2	Gambar: YB Timbalan Menteri	Berita Harian
3	Air sungai lebih paras amaran, Terengganu bersedia hadapi banjir	Bernama.com
4	Gempa bumi berlaku di kepulauan Ryukyu, Jepun	Bernama.com
5	Harta intelek boleh dicagar - Hassan	Utusan Malaysia
6	'Boleh cagar Harta Intelek'	Berita Harian
7	Harta intelek jadi cagaran bank	Kosmo
8	Kerjaan beri tumpuan jana wang daripada hak harta intelek	Sinar Harian

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (VARSITI) : MUKA SURAT V16
TARIKH : 07 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)

Oleh Rosniza Mohd Taha
roniza@bh.com.my

• Kuala Lumpur

Ganjaran lumayan RM40,000 bakal menjadi rebutan 48 institusi pengajian tinggi yang menyertai Perlumbaan Inovasi Pendidikan Sukan Motor dan Automotif (EIMA) edisi kelima tahun ini.

Pengarah EIMA, Hairul Lail Ismail, berkata perlumbaan membabitkan dua kategori iaitu TS250 dan SS130 bermula dengan sesi pembentangan reka bentuk jentera lumba oleh setiap pasukan pada 16 hingga 17 November ini di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur.

Katanya, 60 jentera lumba akan bersaing dalam pusingan pertama perlumbaan mulai 29 November hingga 1 Disember di Litar Pulau Datuk Sagor, Kampung Gajah, Teluk Intan, Perak sementara pusingan kedua pada 27 hingga 29 Disember di Litar Maktab Teknik Polis Diraja

EIMA tawar hadiah RM40,000



Hairul Lail bersama-sama Abu Bakar, Masahiko, Aminudin dan Megat Johari melihat salah sebuah jentera lumba EIMA 2013.

Malaysia, Bakri, Muar, Johor. "Sejumlah RM22,600 ditawarkan sebagai hadiah wang tunai bagi kategori

TS250 dengan juara keseluruhannya bakal merangkul RM6,000, piala pusingan dan sijil penyertaan manakala

RM4,000 untuk pemenang kategori SS130 yang menawarkan habuan keseluruhan RM15,000.

"Juara setiap pusingan pula ditawarkan RM1,600 dan RM1,200 bagi kategori masing-masing," katanya.

Majlis pelancaran EIMA disempurnakan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah di kampus UTM di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Dekan Institut Teknologi Antarabangsa Malaysia-Jepun (MJIT) UTM, Prof Megat Johari Megat Mohd Noor, Duta MJIT, Masahiko Horie dan Presiden Kelab EIMA, Prof Aminudin Abu.

Medan kreativiti dan inovasi

Abu Bakar berkata, EIMA mampu menjadi medan penggalak kreativiti, inovasi dan ilmu pengetahuan penuntut IPT dalam sukan

bermotor.

Katanya, perlumbaan itu juga melatih mereka mempu membangun semangat berpasukan dan kerjasama, berdaya saing, menimba pendekaran pengurusan sukan serta mencegah gejala buruk sosial golongan belia.

"Perlumbaan ini mampu menjadi wadah mencungkil dan mengasah bakat baharu tempatan dan bakal menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Antara IPT mengambil bahagian termasuk UTM Kuala Lumpur, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Taylor's, Politeknik Ungku Omar Ipoh, Politeknik Kota Bharu dan Johor Bahru, Giat-Mara Seputeh Kuala Lumpur dan Institut Kemahiran Belia Negara Dusun Tua.

INFO

Tahun	Jentera lumba	IPT	Juara
2009	11	9	Universiti Selangor
2010	23	19	Universiti Selangor
2011	32	22	Institut Kemahiran MARA Jasin, Melaka
2012	49	34	Institut Kemahiran Belia Negara Pagoh, Johor

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (VARSITI POTRET SISWA): MUKA SURAT V14
TARIKH: 7 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)



2 Ahli panel orang kelainan upaya Bengkel Penggunaan Media Sosial yang juga pensyarah kanan Jabatan Pengajian Media Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, Siti Ezaleila Mustafa (tengah) berbual dengan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah (kanan).

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 7 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)



Air Sungai Lebih Paras Amaran, Terengganu Bersedia Hadapi Banjir

KUALA TERENGGANU, 6 Nov (Bernama) -- Terengganu kini bersedia menghadapi banjir selepas bacaan paras air sungai di beberapa kawasan melebihi paras amaran.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) Terengganu Mohd Sarif Hassan berkata paras air di stesen Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Sekolah Menengah Badrul Alam Shah, Kemaman sudah melebihi paras bahaya semalam, manakala di Kuala Terengganu pula pada paras amaran.

Selain itu, berdasarkan ramalan [**Jabatan Meteorologi Malaysia**](#), MKN menjangka Terengganu akan menghadapi lima gelombang banjir bermula bulan ini hingga Mac depan, berbanding hanya tiga pada musim tengkujuh yang lepas, katanya pada sidang media, di sini Rabu.

Katanya ramalan itu berdasarkan keadaan hujan lebat dan kejadian air pasang besar.

Selain itu menurutnya sebanyak 198 kawasan dijangka terbabit banjir kali ini iaitu 30 kawasan di Besut, Setiu (21), Kuala Terengganu (17), Marang (27), Hulu Terengganu (29), Dungun (32) dan Kemaman (42).

Bilik gerakan akan dibuka sebaik banjir berlaku dan orang ramai yang mempunyai pertanyaan boleh menghubungi hotline MKN di 09-6316021 atau 09-6222231, atau melayari laman sesawang di etindakan.terengganu.gov.my atau portalbanjir.mkn.gov.my untuk maklumat terkini tentang banjir.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 7 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)



Gempa Bumi Berlaku Di Kepulauan Ryukyu, Jepun

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.1 pada skala Richter berlaku di Kepulauan Ryukyu di Jepun pada 9.13 pagi Rabu.

Menurut [**Jabatan Meteorologi Malaysia**](#), garis pusat gempa itu ialah di 104km timur laut Naha di Jepun dan 2,535km timur laut Kudat di Sabah.

Ia tidak mendatangkan ancaman tsunami.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 07 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)

Harta intelek boleh dicagar - Hasan

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Harta intelek yang memperoleh penilaian daripada jurunilai bertaullah merupakan aset perniagaan yang boleh dicagarkan untuk mendapat pembiayaan daripada institusi kewangan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hasan Malek berkata, kerajaan komited menjadikan hak harta intelek seperti jenama dan paten sebagai sumber kekayaan baharu terutama bagi syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mendapat pembiayaan kewangan.

Menurut beliau, perkara itu merupakan sistem baharu dalam aspek cagaran pinjaman kerana sebelum ini pihak bank hanya menerima aset fizikal seperti tanah dan sebagainya.

"Sekarang, harta intelek iaitu paten, jenama, cap dagang dan hak cipta yang telah dinilai jurunilai bertaullah boleh digunakan sebagai cagaran oleh ahli perniagaan untuk mendapatkan pinjaman dengan pihak bank," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Penilaian Harta Intelek (GIPVC) dan melancarkan buku *Model Penilaian Harta Intelek* di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Saripuddin Kasim; Pengurus MyIPO, Datuk Abdul Ma-

Sekarang, harta intelek iaitu paten, jenama, cap dagang dan hak cipta yang telah dinilai jurunilai bertaullah boleh digunakan sebagai cagaran oleh ahli perniagaan untuk mendapatkan pinjaman dengan pihak bank

HASAN MALEK
Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan

nan Ismail, Ketua Pengarah MyIPO, Datuk Azizan Mohamad dan Setiausaha Bahagian, Pengurusan Pinjaman, Pasaran Kewangan dan Akutari Kementerian Kewangan, Zauyah Mohd. Desa.

Sehubungan itu, menurut Hasan, kerajaan ketika ini memberi tumpuan ke arah mewujudkan pemahaman yang lebih jelas mengenai penilaian, pembiayaan dan pasaran harta intelek bagi menyumbang kepada hasrat negara mencapai ekonomi berpendapatan tinggi.

Katanya, memandangkan negara sebelum ini tidak memiliki jurunilai harta intelek bertaullah, sebanyak 23 profesional diantar menjalani



HASAN Malek (tengah) bersama Saripuddin Kasim (kiri) dan Abdul Manan Ismail menunjukkan buku *Model Penilaian Harta Intelek* ketika melancarannya dalam Persidangan Antarabangsa Penilaian Harta Intelek (GIPVC) di Kuala Lumpur, semalam .
BERNAMA

latihan manakala tujuh orang kini memiliki pensijilan daripada MyIPO serta Institut Perdagangan Dunia, Universiti Berne, Switzerland.

Tambah beliau, projek perintis pembiayaan kewangan menggunakan hak harta intelek sebagai cagaran juga sedang dilaksana Ma-

laysia Debt Ventures Berhad (MDV) menerusi peruntukan bernilai RM200 juta daripada Kementerian Kewangan.

"Ketika ini sebanyak 20 permohonan menerusi projek itu sedang diproses," katanya.

Dalam pada itu, menurut Azizan,

usaha melahirkan jurunilai harta intelek bertaullah tempatan bermalam mengurangkan kebergantungan kepada pakar dari luar negara.

"Selain itu, Malaysia juga adalah negara ASEAN pertama yang mempunyai jurunilai harta intelek profesional," katanya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 4
TARIKH: 7 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)

'Boleh cagar Harta Intelek'

Kuala Lumpur: Harta Intelek (IP) kini boleh dicagarkan untuk memohon dana perniagaan, khususnya bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

IP akan dinilai menggunakan Model Penilaian Harta Intelek (IPVM) yang dirangka Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), bersandarkan beberapa kriteria termasuk aliran wang tunai syarikat sepanjang tempoh lima tahun.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Keppenggunaan, Datuk Hasan Malek, berkata inisiatif itu sebagai penjelmaan sumberkekayaan baru negara, sekali gus mampu melonjakkan ekonomi domestik.

Beliau berkata, IP yang me-

rangkumi paten, tanda dagangan, muzik, penulisan, lukisan, penemuan, ciptaan, perkataan, simbol dan rekabentuk boleh dijadikan cagar untuk memohon Skim Dana Pembentukan Harta Intelek (SDPHI).

Manfaat dana RM200 juta

Katanya, PKS dan penggiat industri boleh memanfaatkan peruntukan dana RM200 juta yang diumum pada Bajet 2013 untuk memperluaskan perniagaan atau memasarkan produk pada pasaran antarabangsa.

"Dulu pinjaman bank memerlukan cagaran harta fizikal seperti bangunan, harta tanah dan aset semasa. Kini, harita tidak ketara atau IP boleh

dinilai menggunakan IPVM dan digunakan sebagai cagaran.

"Malaysia adalah peneraju di antara negara Asia yang mengiktiraf dan menilai IP sebagai cagaran. Pelaksanaan inisiatif ini juga ke arah memperkasa punca rezeki negara dengan mempelbagai alternatif supaya ekonomi lebih dinamik," katanya selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Penilaian Harta Intelek (GIPVC) 2013, yang dihadiri 400 peserta dan 46 peniceramah dari seluruh negara.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah; Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Saripudin Kasim dan Pengurus MyIPO, Datuk Abdul Manan Ismail.

Mengulas lanjut, Hasan berkata, MyIPO sudah melatih tujuh penilai IP tempatan, manakala 30 lagi dijangka menamatkan latihan penghujung tahun ini.

Kumpulan penilai IP tempatan katanya, adalah aset negara kerana mampu menjimatkan kos penilaian IP yang dulunya dikendalikan badan penilai luar negara.

"Kos untuk upah penilai IP luar negara sekurang-kurangnya AS\$200,000 (RM637,700). Kalau guna kepakaran kita sendiri (tempatan), sudah pasti kosnya dapat dikurangkan."

"Penilai IP tempatan ini juga mampu menjadi sumber tenaga mahir baru negara kerana kepakarannya boleh diguna untuk memenuhi permintaan negara Asia," kata-

Sementara itu, Pengarah Urusan Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV), Datuk Md Zubir Ansori Yahaya, yang mengelola dana (SDPHI), berkata permohonan tiga daripada 20 syarikat sudah diluluskan.

Katanya, margin dana boleh lulus ialah 80 peratus manakala had ialah RM10 juta. Selain itu, kerajaan juga mewarkan subsidi faedah dua peratus berupa rebat tunai.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 4
TARIKH: 7 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)**

Harta intelek jadi cagaran bank

KUALA LUMPUR – Harta Intelek (IP) seperti paten dan jenama kini boleh digunakan sebagai medium untuk mendapatkan pinjaman dengan institusi kewangan di negara ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Datuk Hasan Malek berkata, langkah itu selaras dengan perbincangan strategik yang dicapai antara Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Kementerian Kewangan dan institusi kewangan pada Mei lalu.

“Ini adalah satu bentuk sistem baharu dalam aspek cagaran pinjaman kerana sebelum ini pihak bank cuma menerima aset fizikal seperti tanah sebagai cagaran,”



HASAN (tengah) beramah mesra dengan salah seorang peserta selepas merasmikan Persidangan Penilaian IP Global di Kuala Lumpur semalam.

“Kini, IP iaitu paten, jenama, cap dagang dan hak cipta yang dinilai oleh jurunilai bertauliah boleh digunakan sebagai cagaran,”

katanya selepas majlis perasmian Persidangan Penilaian IP Global di sini semalam.

Hasan berkata, sistem

baharu pinjaman bank berkenaan memberi lebih kemudahan kepada ahli perniagaan untuk mendapatkan pinjaman dengan mana-mana institusi kewangan bagi memajukan perniagaan mereka.

Katanya, Kementerian Kewangan turut memperuntukkan RM200 juta kepada Malaysia Debt Ventures Bhd. (MDV) untuk memberi pinjaman kepada syarikat tempatan berdasarkan 80 peratus nilai IP.

“Sebanyak 20 permohonan sedang diproses oleh MDV ketika ini,” katanya.

Jelasnya, 154,526 daripada 211,601 permohonan IP didaftarkan oleh MyIPO dari tahun 2008 hingga 13 Oktober lalu dan 53,766 daripadanya adalah entiti tempatan.

**KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN : MUKA SURAT 4
TARIKH: 7 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)**



Hasan (dua, kanan) lancar buku panduan Model Penilaian Harta Intelek pada Persidangan Antarabangsa 'Global Intellectual Property Valuation Conference 2013'. - Foto Bernama.

Kerajaan beri tumpuan jana wang daripada hak harta intelek

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan kini memberikan tumpuan kepada usaha mewujudkan lebih kesedaran terhadap penjanaan wang daripada hak harta intelek (IP) melalui nilai IP, pembiayaan IP dan pasaran IP.

Ini akan menyumbang kepada usaha negara ini untuk mencapai ekonomi berpendapatan tinggi, kata menteriannya, Datuk Hasan Malek, dalam ucapannya pada perasmian Persidangan Model Nilaian IP dan Nilaian IP Global di sini semalam.

Kerajaan, melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), telah melatih tujuh profesional dari bidang kewangan, teknikal dan undang-undang untuk menjadi Penilai IP bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk menilai IP maya syarikat-syarikat ini.

Inisiatif ini bertujuan membantu pencipta inovasi dan pereka menerima peng-

iktirafan dan memberikan nilai kepada IP mereka kerana mereka kini boleh mendapatkan bantuan kewangan.

Hasan berkata model Nilaian IP juga telah diadakan untuk memberikan penjelasan dan piawaian kepada pemilik kepentingan dan peserta utama dalam melaksanakan perkaedahan nilai yang boleh diterima oleh institusi-institusi kewangan swasta.

Sebelum ini, hanya penilai IP antara bangsa boleh diambil oleh syarikat, dan ini menelan kos AS\$30,000 ke AS\$40,000.

Pada masa ini 23 orang lagi pakar sedang dilatih di negara ini, dan mereka akan disahkan oleh MyIPO dan Institut Perdagangan Dunia, University of Berne, Switzerland menjelang akhir tahun.

Sementara itu, semasa sidang akhbar, Azizan berkata untuk layak bagi pembiayaan itu, PKS mestilah terlebih dahulu berdaftar dengan MyIPO sebelum mengambil penilai IP. - Bernama.